KADA

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI




# LAPORAN TAHUNAN
# Annual Report
# 2016

moa INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

moa INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

# LAPORAN TAHUNAN 2016



















LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU




# Isi Kandungan


| | M/SURAT |
|---|---|
| **MAKLUMAT KORPORAT** | **4** |
| KEANGGOTAAN LEMBAGA KADA 2016 | 5 |
| PEGAWAI-PEGAWAI KANAN | 6 |
| KETUA PEGAWAI PEJABAT KADA JAJAHAN(PKJ) | 7 |
| PENGURUS-PENGURUS BESAR PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK) | 8 |
| AHLI JAWATANKUASA AUDIT | 9 |
| AHLI JAWATANKUASA PEROLEHAN | 10 |
| AHLI JAWATANKUASA KESELAMATAN | 11 |
| JURUAUDIT | 12 |
| ALAMAT PEJABAT YANG BERDAFTAR | 12 |
| **CARTA ORGANISASI KADA** | **13** |
| **LATAR BELAKANG** | **15** |
| AKTA PARLIMEN | 16 |
| FUNGSI UTAMA | 17 |
| OBJEKTIF | 17 |
| VISI | 18 |
| MISI | 18 |
| PIAGAM PELANGGAN | 19 |
| **PERUTUSAN PENGERUSI** | **20** |
| **LAPORAN PETUNJUK PRESTASI AGENSI (KPI)** | **23** |
| PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KADA TAHUN 2016 | 24 |
| **PRESTASI KEWANGAN** | **27** |
| PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS | 28 |
| PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN | 29 |
| **LAPORAN PRESTASI PENGURUSAN** | **31** |
| PRESTASI PENGURUSAN | 32 |
| **LAPORAN PRESTASI KOMODITI** | **34** |
| PADI | 35 |
| EPP11: PROJEK ESTET PADI PENGURUSAN BERPUSAT NKEA - KADA | 35 |
| MINI ESTET PADI | 39 |
| LADANG MERDEKA | 41 |




SKIM BAJA PADI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN SKIM INSENTIF PENGELUARAN PADI 44

PENGELUARAN BENIH PADI SAH 46

**AKTIVITI BUKAN PADI & INDUSTRI ASAS TANI 47**

AKTIVITI BUKAN PADI 48

INDUSTRI ASAS TANI 49

**LAPORAN PRESTASI INSTITUSI PELADANG 52**

PEMBANGUNAN INSTITUSI PELADANG 53

PRESTASI KEAHLIAN DAN SAHAM 54

PRESTASI KEWANGAN PPK 55

**PRESTASI PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT 58**

**PRESTASI KHIDMAT KEJURUTERAAN 64**

KHIDMAT KEJURUTERAAN MEKANIKAL 65

PERKHIDMATAN UTILITI 66

PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN PENGAIRAN DAN SALIRAN 68

PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK 69

**PERISTIWA SEPANJANG TAHUN 2016 70**

**PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT 90**



# SENARAI JADUAL


| Bil | Tajuk | Mukasurat |
|---|---|---|
| Jadual 1 | Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KADA Bagi Tahun 2016 | 24 |
| Jadual 2 | Butiran Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2016 | 28 |
| Jadual 3 | Peruntukan Mengurus dan Peruntukan Pembangunan Bagi Tahun 2012 Sehingga 2016 | 29 |
| Jadual 4 | Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2016 | 30 |
| Jadual 5 | Kedudukan Perjawatan KADA 2016 | 33 |
| Jadual 6 | Pencapaian Aktiviti Tanaman Padi Bagi Tahun 2016 | 35 |
| Jadual 7 | Prestasi Ladang Projek NKEA Bagi Tahun 2016 | 37 |
| Jadual 8 | Prestasi Hasil Projek NKEA Bagi Tahun 2015 Sehingga 2016 | 38 |
| Jadual 9 | Prestasi Mini Estet Padi Bagi Tahun 2016 | 40 |
| Jadual 10 | Prestasi Pencapaian Ladang Merdeka Musim Utama 2015/2016 dan Luar Musim 2016 | 43 |
| Jadual 11 | Jenis Insentif dan Kadar Pembahagian Subsidi bagi Tahun 2016 | 44 |
| Jadual 12 | Edaran Baja Subsidi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) Tahun 2016 | 45 |
| Jadual 13 | Edaran Baja Dibawah Skim Insentif Pengeluaran Padi | 45 |
| Jadual 14 | Keluasan Ladang Benih Bagi Musim Utama dan Luar Musim 2016 | 46 |
| Jadual 15 | Pengeluaran Benih di Pusat Sediaan Benih (PSB) KADA | 46 |
| Jadual 16 | Prestasi Ternakan Lembu di KADA Bagi Tahun 2016 | 48 |
| Jadual 17 | Prestasi Produk Pengeluaran Industri Asas Tani Bagi Tahun 2016 | 50 |
| Jadual 18 | Bilangan Usahawan Mengikut Tahap Tahun 2016 | 50 |
| Jadual 19 | Maklumat Asas Pendaftaran PPK KADA | 54 |
| Jadual 20 | Kedudukan Ahli dan Saham PPK | 55 |
| Jadual 21 | Prestasi Kewangan PPK | 56 |

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# MAKLUMAT KORPORAT

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU



# KEANGGOTAAN LEMBAGA KADA 2016

**PENGERUSI**

**YB. DATUK Sr. HJ. MD ALWI B. HJ CHE AHMAD**

**TIMBALAN PENGERUSI / PENGURUS BESAR**

**YBhg. TUAN HJ. MOHD RIDZUAN B. ISMAIL**

**AHLI-AHLI LEMBAGA**

**YBrs. EN. BADRUL HISHAM B. MOHD**
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (PEMBANGUNAN)
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

**YBrs. PUAN NOR AZIZATI BT. HAMZAH**
KETUA PENOLONG PENGARAH BELANJAWAN
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

**YBhg. DATO' Ir. HJ. ZULKIFLI B. HASSAN**
KETUA PENGARAH
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

**YBhg. DATO' AHMAD B. ISHAK**
KETUA PENGARAH
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

**YB. SENATOR DATUK Sr. HJ. HANAFI B. HJ. MAMAT**
AHLI LEMBAGA (WAKIL NEGERI)

**YBhg. DATUK ZAWAWI B. OTHMAN**
AHLI LEMBAGA (WAKIL NEGERI)

**YBhg. DATUK HJ. MOHD ROSDI B. AB. AZIZ**
AHLI LEMBAGA (WAKIL NEGERI)

**YBhg. DATO' DR. HJ. ILLIAS B. HJ. HUSSAIN**
AHLI LEMBAGA (WAKIL NEGERI)



# PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**PENGURUS BESAR**
TUAN HJ. MOHD RIDZUAN B. ISMAIL

**TIMBALAN PENGURUS BESAR (PEMBANGUNAN)**
TUAN HJ. NIK ROSLAN B. IDRIS

**TIMBALAN PENGURUS BESAR (OPERASI)**
EN. SHOKSI B. CHE NOR

**PENGARAH BAHAGIAN PENGURUSAN**
TUAN HJ. WAN AHMAD B. JUSOH

**PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PERANCANGAN**
EN. MOHD FAIZUL B. MUSTAFA

**PENGARAH BAHAGIAN PERTANIAN**
TUAN HJ. MAT NAJI B. ABDULLAH

**PENGARAH BAHAGIAN INDUSTRI ASAS TANI**
TUAN HJ. AB. HALIM B. SALLEH

**PENGARAH BAHAGIAN INSTITUSI PELADANG**
TUAN HJ. CHE KHALID B. HJ. SAAD

**PENGARAH BAHAGIAN KEJURUTERAAN AWAM**
TUAN HJ. BAHARUDDIN B. ALI

**PENGARAH BAHAGIAN KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIK**
TUAN HJ. WAN AZMI B. WAN ABDULLAH

**PENGARAH BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**
IR. HJ. MOHD ANUAR MUSARDAR B. MOHD YUSOFF



# KETUA PEGAWAI PEJABAT KADA JAJAHAN (PKJ)

**KETUA PEGAWAI KADA JAJAHAN KOTA BHARU UTARA**
EN. OTHMAN B. MOHAMAD GENDA

**KETUA PEGAWAI KADA JAJAHAN KOTA BHARU SELATAN**
EN. WAN ROSDI B. WAN YUSOFF

**KETUA PEGAWAI KADA JAJAHAN PELADANG PASIR PUTEH**
IR. HJ. MOHD RADZUAN B. MOHAMAD

**KETUA PEGAWAI KADA JAJAHAN BACHOK**
EN. MOHD NASIR B. MUSTAFA

**KETUA PEGAWAI KADA JAJAHAN PASIR MAS**
EN. MOKHTAR B. ZAKARIA

**KETUA PEGAWAI KADA JAJAHAN TUMPAT**
TUAN HJ. ROSLI B. HASSAN





# PENGURUS-PENGURUS BESAR PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)

**PPK Nilam Puri**
En. Zulkefli B. Salleh

**PPK Tanjung Puri**
En. Mohd Kamal B. Che Musa

**PPK Jaya Peringat**
Tn. Hj. Wan Aziz B. Wan Muda

**PPK Sungai Ketereh**
Tuan Hj.Saleh Huddin B. Ismail

**PPK Bukit Jawa**
En. Roslan B. Hussin

**PPK Cherang Rotan**
En. Sazuki B. Mohammad

**PPK Puteri Saadong**
Tn. Hj. Mohd Shokri B. Mat

**PPK Bakat Baru**
En. Wan Mohd Zaid B. Wan Mahmood

**PPK Bunga Raya**
En. Rosli B. Yahya

**PPK Kubang Sepat**
En. Wan Mustafa B. Wan Ali

**PPK Kubang Bunut**
En. Arif B. Jusoh

**PPK Alor Mas**
En. Mohd Azmi B. Che Jusoh

**PPK Sri Gunong**
En. Mohd Sarif B. Daud

# AHLI JAWATANKUASA AUDIT

**Pengerusi**
YBrs. En. Mhd Adnan B. Mhd Yazid
Wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

**Ahli Jawatankuasa**
YM Tuan Syed Ibrahim B. Syed Mohamad Almashor
Wakil Agro Bank

YBhg. Datuk Hj. Rosmadi B. Ismail
Ahli Lembaga Pengarah KADA

YBrs. Puan Nor Azizati Bt Hamzah
Wakil Kementerian Kewangan

YBrs. En Mohd Rozalhaslee B. Mat
Wakil Lembaga Pertubuhan Peladang

YBhg. Dato' Ir. Hj. Mohd Abdul Nasir B. Bidin
Wakil Jabatan Pengairan dan Saliran

YB. Senator Datuk Sr. Hj Hanafi B. Mamat
Ahli Lembaga Pengarah

**Setiausaha**
Puan Ismalina Bt. Ismail
Ketua Unit Audit Dalam
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu



# AHLI JAWATANKUASA PEROLEHAN

## A) JAWATANKUASA TENDER PEROLEHAN ‘A’ (MELEBIHI RM20 JUTA)

### PENGERUSI / PENGERUSI GANTI
Ketua Setiausaha / Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani

### AHLI JAWATANKUASA
1. Pengurus Besar KADA
2. Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan- (Bahagian Perolehan Kerajaan)
3. Wakil Kementerian Pertanian Dan Industri AsasTani
4. Timbalan PengurusBesar (Operasi) KADA

### SETIAUSAHA
Pengarah Bahagian Pengurusan

## B) JAWATANKUASA TENDER PEROLEHAN ‘B’ (SEHINGGA RM20 JUTA)

### PENGERUSI
Pengurus Besar KADA

### AHLI JAWATANKUASA
1. Wakil Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani
2. Timbalan Pengurus Besar (Operasi) KADA
3. Pengarah Bahagian Pembangunan Dan Perancangan KADA

### SETIAUSAHA
Pengarah Bahagian Pengurusan

### C) JAWATANKUASA SEBUTHARGA

**PENGERUSI**
Pengurus Besar KADA

**AHLI JAWATANKUASA**
1. Timbalan Pengurus Besar (Operasi) KADA
2. Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) KADA
3. Pengarah Bahagian Pengurusan
4. Pengarah Bahagian Berkenaan

**SETIAUSAHA**
Ketua Unit Tender Dan Sebutharga

## AHLI JAWATANKUASA KESELAMATAN

**PENGERUSI**
En. Shoksi B. Che Nor
Timbalan Pengurus Besar (Operasi) KADA

**AHLI JAWATANKUASA**
Tuan Hj. Wan Ahmad B. Jusoh
Pengarah Bahagian Pengurusan

Tuan Hj. Wan Azmi B. Wan Abdullah
Pengarah Bahagian Mekanikal dan Elektrikal

Tuan Hj. Che Khalid B. Hj. Saad
Pengarah Bahagian Institusi Peladang

Tuan Hj. Baharuddin B. Ali
Pengarah Bahagian Kejuruteraan Awam

**SETIAUSAHA**
Pegawai Tadbir
Ketua Cawangan Pentadbiran



## JURUAUDIT

Khairuddin Hasyudeen & Razi
Chartered Accountants (AF1161)
PT 65H-3 Tingkat Atas,
Seksyen 14,Jalan Bayam,
15200 Kota Bharu, Kelantan.

Ketua Audit Negara
Jabatan Audit Negara
Malaysia

## ALAMAT PEJABAT YANG BERDAFTAR

Ibu Pejabat KADA,
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
Peti Surat 127, Jalan Dato' Lundang
15710 Kota Bharu
KELANTAN

**NO. TELEFON : 09-7447088**
**NO. FAX. : 09-7441053**

Laman Web : http://www.kada.gov.my

KADA

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# CARTA ORGANISASI KADA

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU



# CARTA ORGANISASI
# LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU
# KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- **PENGERUSI KADA**
  **DATUK Sr. HJ MD ALWI B. HJ CHE AHMAD**
  - **PENGURUS BESAR**
    **GRED UTAMA C**
    **MOHD RIDZUAN B. ISMAIL**
    - **UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
      **KETUA**
      RAITINI BT. A. RAHMAN
      PEGAWAI TADBIR N41
    - **UNIT INTEGRITI**
      **KETUA**
      NURHAYATI BT. MOHAMAD
      PEGAWAI TADBIR N44
    - **UNIT AUDIT DALAM**
      **KETUA**
      ISMALINA BT. ISMAIL
      JURUAUDIT W44
    - **TIMB. PENGURUS BESAR**
      **(PEMBANGUNAN)**
      NIK ROSLAN B. IDRIS
      PEGAWAI EHWAL EKONOMI E54
      - **UNIT SEKRETARIAT PKJ**
      - **BHGN PERTANIAN**
        **PENGARAH**
        MAT NAJI B. ABDULLAH
        PEGAWAI PERTANIAN G52
      - **BHGN INSTITUSI PELADANG**
        **PENGARAH**
        CHE KHALID B. HJ SA'AD
        PEGAWAI PERTANIAN G48
      - **BHGN INDUSTRI ASAS TANI**
        **PENGARAH**
        AB HALIM B. HJ SALLEH
        PEGAWAI PERTANIAN G48
      - **PEJABAT KADA JAJAHAN PASIR MAS**
        **KETUA PEGAWAI**
        MOKHTAR B. ZAKARIA
        JURUTERA (A) J44
      - **PEJABAT KADA JAJAHAN PASIR PUTEH**
        **KETUA PEGAWAI**
        MOHD RADZUAN B. MOHAMAD
        JURUTERA (A) J48
      - **PEJABAT KADA JAJAHAN BACHOK**
        **KETUA PEGAWAI**
        MOHD NASIR B. MUSTAPHA
        JURUTERA (A) J48
      - **PEJABAT KADA JAJAHAN K. BHARU (U)**
        **KETUA PEGAWAI**
        OTHMAN B. MOHAMAD GENDA
        PEGAWAI PERTANIAN G44
      - **PEJABAT KADA JAJAHAN K. BHARU (S)**
        **KETUA PEGAWAI**
        WAN ROSDI B. WAN YUSOFF
        PEGAWAI PERTANIAN G44
      - **PEJABAT KADA JAJAHAN TUMPAT**
        **KETUA PEGAWAI**
        ROSLI B. HASSAN
        JURUTERA (A) J48
    - **BHGN PENGURUSAN**
      **PENGARAH**
      WAN AHMAD B. JUSOH
      PEGAWAI PERTANIAN G48
    - **BHGN PEMBANGUNAN & PERANCANGAN**
      **PENGARAH**
      MOHD FAIZUL B. MUSTAFA
      PEGAWAI TADBIR N52
    - **BHGN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**
      **PENGARAH**
      MOHD ANUAR MUSARDAR B. YUSOFF
      JURUTERA (A) J52
    - **TIMB. PENGURUS BESAR**
      **(OPERASI)**
      SHOKSI B. CHE NOR
      JURUTERA (A) J52
      - **BHGN KEJURUTERAAN AWAM**
        **PENGARAH**
        BAHARUDDIN B. ALI
        JURUTERA (A) J48
      - **BHGN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL**
        **PENGARAH**
        WAN AZMI B. WAN ABDULLAH
        JURUTERA (A) J44

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# LATAR BELAKANG



# AKTA PARLIMEN

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), diluluskan pendaftarannya pada 31hb. Mac 1972 dibawah undang-undang Malaysia “Akta 69” dan dipanggil Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, 1972 dengan tugas dan fungsi
sebagaimana berikut :

***Memaju, menggalak, membangun dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial dalam kawasan Kemubu***

***dan;***

***Merancang dan mengusaha dalam kawasan Kemubu apa-apa kemajuan pertanian mengikut sebagaimana yang diuntukkan padanya oleh Negeri.***

Lembaga adalah berkuasa melakukan segala perkara yang mustahak atau munasabah perlu atau yang bersampingan dengan menjalankan tugas-tugasnya, dan khususnya tetapi dengan tidak menyentuh keluasan kuasa yang tersebut diatas.




## FUNGSI UTAMA

Untuk mencapai objektif-objektif yang digariskan, KADA melaksanakan fungsi berikut berdasarkan wawasan pertanian YAB. Perdana Menteri dan Dasar Agro Makanan Negara;

- Mengeluar padi dan beras untuk menampung keperluan beras negara
- Mengeluarkan bahan-bahan makanan lain untuk memenuhi permintaan tempatan dan menampung keperluan makanan negara
- Meningkatkan pendapatan perkapita keluargatani selaras dengan pendapatan perkapita negara
- Menggalak dan memajukan Industri Hiliran berasaskan pertanian
- Membangun dan memperteguhkan Institusi Peladang untuk menaungi keluargatani.

## OBJEKTIF

- Untuk menjadi satu agensi yang unggul dalam peningkatan taraf sosioekonomi petani serta peningkatan pengeluaran makanan negara.
- Mengeluarkan padi dan beras untuk menampung keperluan beras negara.
- Mengeluarkan bahan makanan lain untuk memenuhi permintaan tempatan dan menampung keperluan makanan negara.
- Membangunkan industri hiliran berasaskan bahan tempatan
- Membangun dan memperteguhkan institusi peladang untuk menaungi keluargatani.



# VISI

Menjadi satu agensi peneraju dalam bidang penanaman padi dan agromakanan ke arah melahirkan golongan sasar berpendapatan tinggi

# MISI

Bagi merealisasikan visi, KADA akan diterajui dengan cekap dan berkesan melalui:

- Pengeluaran padi dan agromakanan sebagai urusan utama KADA
- Sistem pentadbiran yang berkualiti, efisien, berteknologi dan integriti
- Penerokaan pasaran di dalam dan di luar negara
- Mempertingkatkan keupayaan petani dan usahawan tani supaya berdaya saing dan inovatif
- Pewujudan persekitaran kerja yang kondusif dan peningkatan tahap kepuasan pekerja sebagai komitmen KADA untuk melahirkan pekerja berkompetensi dan setia
- Pembangunan kegiatan yang mampan




# PIAGAM PELANGGAN

**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)**

**1. Menyediakan Bekalan Air Yang Mencukupi Mengikut Jadual**

- Memastikan bekalan air ke sawah padi dapat diterima oleh petani dalam tempoh 30 hari selepas tarikh mula bekalan.
- Mengedarkan secara meluas jadual bekalan air dan tanaman padi yang lengkap dalam tempoh 15 hari sebelum tarikh mula bekalan air.

**2. Memberikan Khidmat Sokongan Yang Berkualiti, Cekap Dan Efisyen**

- Mengedarkan baja subsidi dan racun kepada petani yang layak dalam tempoh 7 hari selepas tarikh penyerahan kupon SBPKP.
- Mengambil tindakan kawalan keatas sesuatu wabak penyakit dan perosak tanaman padi dalam tempoh 24 jam selepas wabak dikesan.
- Memberikan perkhidmatan kejenteraan ladang dalam tempoh 3 hari daripada tarikh perkhidmatan dikehendaki.
- Menjelaskan bayaran bil dan invois dalam tempoh 14 hari daripada tarikh tuntutan diterima.
- Memberikan maklum balas setiap aduan awam dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima.
- Mengagihkan bantuan kepada usahawan tani sektor industri bukan padi dalam tempoh 45 hari selepas permohonan diluluskan.

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# PERUTUSAN PENGERUSI

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU



# PERUTUSAN PENGERUSI



Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera & Salam 1 Malaysia.

Alhamdulillah kita telah berjaya melalui tahun 2016 yang penuh mencabar terutama dari segi ekonomi namun dengan usaha dan kerjasama, kita semua dapat menempuhinya dengan meraih pelbagai kejayaan terutama dalam usaha membantu golongan petani dan usahawan di kawasan KADA.

Bagi tahun 2016, KADA telah menerima peruntukan mengurus daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM 74,519,540 dan peruntukan pembangunan sebanyak RM 25,760,000. Peruntukan ini sudah pasti telah membantu KADA untuk memastikan petani dan usahawan di dalam kawasan terbela.

Ini selaras dengan saranan Yang Berhormat Dato Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang menekankan aspek ‘Kedaulatan Makanan’.
Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, (MOA), KADA sudah pasti bergerak seiring dengan kehendak kementerian terutama dalam industri pertanian terutama melibatkan pengeluaran padi negara.

Dengan usaha yang bersungguh-sungguh daripada semua pihak di antara pegawai KADA dan petani, pengeluaran padi di dalam kawasan KADA semakin meningkat dari musim ke semusim. Bagi meneruskan peningkatan hasil itu juga, KADA telah memperkenalkan program 1 Bendang 1 Jadual. Program ini merupakan satu inisiatif dalam usaha meningkatkan pengeluaran hasil padi dan mengurangkan kemelut bekalan air yang sentiasa membelenggu petani.



Selaras dengan tanggungjawab dalam memacu ekonomi dan pendapatan masyarakat di dalam kawasan, KADA juga menjadi penghubung kerajaan dalam bidang pertanian di samping menjalankan kerja-kerja pembangunan pertanian sebagai asas pembangunan sosio ekonomi dan kedaulatan negara dalam bidang pertanian di Kelantan.

Sejak penubuhannya, selain dari bidang pertanian KADA juga telah merencana pelbagai pembaharuan dan pembangunan untuk masyarakat di dalam kawasan KADA terutama dalam usaha melahirkan usahawan yang menghasilkan pelbagai produk berasaskan pertanian tidak kira daripada usahawan yang menggunakan peralatan konvensional sehinggalah kepada moden, KADA sentiasa membantu usahawan di bawah bimbingan sehingga mereka berjaya melangkah ke pasaran antarabangsa. Bagi meningkatkan kejayaan dan mengekalkannya saya amat berharap agar kerjasama di antara KADA dan petani, penternak, Pertubuhan peladang, lain-lain entiti serta usahawan tetap diteruskan dan perubahan perlu dilakukan dalam usaha mentransformasikan diri untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang. Hanya dengan kerjasama yang teguh mampu menjanjikan kejayaan yang berterusan.

Oleh itu, marilah kita berganding bahu dalam memacu industri pertanian negara agar Kedaulatan Makanan terus diutamakan.

Sekian. Selamat Maju Jaya.



YB Datuk Sr Hj. Md Alwi B. Hj. Che Ahmad
Pengerusi,
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# LAPORAN PETUNJUK PRESTASI AGENSI (KPI)

## LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU



# PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) KADA TAHUN 2016

Pada tahun 2016, KADA telah menetapkan enam (6) perkara utama di bawah agensi secara spesifik sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) agensi. Tiga daripada Petunjuk Prestasi Utama tersebut adalah berkaitan dengan prestasi pengeluaran padi, manakala selebihnya adalah berkaitan dengan pembangunan usahawantani, pemerkasaan Pertubuhan Peladang dan juga Program Azam Tani. Pihak pengurusan telah mengenal pasti beberapa item yang perlu dimasukkan di bawah Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi menggambarkan tugas dan peranan utama KADA di mana ianya perlu diukur prestasi pencapaiannya. Item yang tersenarai sebagai KPI tahun 2016 dibincang bersama pengurusan dan juga diletakkan sasaran bersandarkan kepada pencapaian lepas dan dirujuk sebagai '*stretch target*'. Di bawah enam perkara utama KPI, pengurusan telah menyenaraikan sebanyak dua puluh enam (26) sub KPI yang diukur prestasinya bagi tahun 2016.

Untuk tahun 2016 purata pencapaian KPI di bawah tajuk yang tersenarai ialah seperti Jadual di bawah:

**Jadual 1: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KADA Bagi Tahun 2016**

| BIL | PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | PURATA MARKAH PENCAPAIAN (%) | PETUNJUK WARNA |
|---|---|---|---|
| 1 | Pengeluaran Komoditi Padi | 102% | |
| 2 | Projek Ladang Merdeka | 98.3% | |
| 3 | Pengeluaran Benih Padi Sah | 99.75% | |
| 4 | Pemerkasaan Pertubuhan Peladang | 145.67% | |
| 5 | Program Azam Tani | 149.73% | |
| 6 | Pembangunan UsahawanTani | 77% | |
| **PURATA PENCAPAIAN TAHUN 2016** | | **112.73%** | |

Pencapaian diatas adalah berdasarkan kepada prestasi pelaksanaan program dan aktiviti sepanjang tahun 2016 sepertimana item KPI yang disasarkan. Daripada senarai tersebut terdapat tiga (3) KPI yang mencapai tahap cemerlang iaitu di bawah kategori *Significant Exceed Target* (ST), dua (2) item di bawah kategori *Exceed Target* (ET) yang ditandakan dengan warna hijau manakala satu (1) item KPI adalah pada tahap *On Target* (OT) dengan lampu isyarat berwarna kuning iaitu di bawah tajuk Pembangunan Usahawan Tani. Daripada keseluruhan KPI yang disasarkan, ianya memberikan purata markah keseluruhan sebanyak 112.73% yang melambangkan prestasi KPI KADA pada tahun lepas berpaksikan kepada pembangunan tanaman padi dan peningkatan pendapatan petani serta usahawan tani berada pada tahap terbaik (ST) dengan memberikan lampu isyarat berwarna biru.

Antara program utama yang dimasukkan dibawah KPI KADA dibawah kategori Agensi Secara Spesifik ialah:



**PEMBANGUNAN KOMODITI PADI**






PENGELUARAN BENIH PADI SAH






USAHAWAN IKS KADA

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# PRESTASI KEWANGAN

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU



Sumber kewangan KADA adalah peruntukan berbentuk geran dari Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Peruntukan ini melibatkan peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan.

## PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS

Peruntukan mengurus bagi tahun 2016 adalah berjumlah RM 74,519,540. Pecahan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 adalah melibatkan sebahagian besar kepada bayaran Emolumen RM 48,630,364 (65.25%). Perbelanjaan lain melibatkan Perkhidmatan Dan Bekalan RM 23,947,782 (32.14%), Harta Modal RM 310,244 (0.42%), Pembayaran dan Kenaan Bayaran Tetap RM 898,351 (1.21%) dan lain- lain belanja adalah RM 732,799 (0.98%). Butiran Perbelanjaan Mengurus sebagaimana jadual berikut:

**Jadual 2: Butiran Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2016**

| Bil | Butiran Perbelanjaan | Peruntukan Mengurus (RM) | Perbelanjaan Mengurus (RM) | Peratus Perbelanjaan (%) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Emolumen | 48,630,364 | 48,630,364 | 100 |
| 2 | Perkhidmatan dan Bekalan | 23,947,782 | 23,947,782 | 100 |
| 3 | Harta Modal | 310,244 | 310,244 | 100 |
| 4 | Pembayaran dan Kenaan Bayaran Tetap | 898,351 | 898,351 | 100 |
| 5 | Lain-lain Belanja | 732,799 | 732,799 | 100 |
| **JUMLAH** | | **74,519,540** | **74,519,540** | **100** |




**Jadual 3: Peruntukan Mengurus dan Peruntukan Pembangunan Bagi Tahun 2012 sehingga 2016**

| Tahun | Peruntukan Mengurus (RMj) | Peruntukan Pembangunan (RMj) |
|---|---|---|
| 2012 | 63.85 | 6.80 |
| 2013 | 70.37 | 12.20 |
| 2014 | 72.16 | 34.75 |
| 2015 | 74.64 | 20.80 |
| 2016 | 74.52 | 25.76 |

## PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Pada tahun 2016, peruntukan pembangunan KADA telah diluluskan sebanyak RM 25.76 juta bagi melaksanakan lapan projek utama. Sejumlah RM 20.5 juta atau 79.58% telah diperuntukan untuk perbelanjaan pembangunan infrastruktur manakala RM 5.26 juta atau 20.42% lagi diperuntukan bagi perbelanjaan pembangunan pertanian.

Daripada jumlah peruntukan tersebut, sejumlah RM 6 juta diperuntukan bagi kerja-kerja peningkatan sistem stesen pam kemubu KADA, manakala sejumlah RM 3 juta



diperuntukan bagi perolehan pam mudah alih dan penggantian jentera pertanian. Selain itu, sebanyak RM 6 juta diperuntukan bagi kerja-kerja menaiktaraf infrastruktur pengairan dan saliran KADA serta RM 4 juta lagi diperuntukan bagi projek pembangunan sistem saliran kawasan Bachok dan Tumpat. KADA juga telah memperuntukan sebanyak RM 1.5 juta untuk meningkatkan dan menaiktaraf loji benih padi sah bagi menambah mutu benih padi yang dikeluarkan.

Bagi pembangunan pertanian telah diperuntukan sebanyak RM 2.4 juta untuk kerja-kerja peningkatan pendapatan petani berskala kecil. Selain itu juga, terdapat juga kerja-kerja yang dijalankan bagi tujuan meningkatkan hasil melalui kaedah pengurusan padi secara lestari dan bagi tujuan ini, KADA telah memperuntukan sebanyak RM 2 juta. Bagi kemudahan para petani pula, KADA telah memperuntukan sebanyak RM 0.86 juta bagi Pembinaan 3 Pusat Belian Padi (PBP) dan kemudahan di kawasan KADA.
Jadual dan rajah di bawah merujuk kepada peruntukan dan butiran perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2016;

**Jadual 4: Peruntukan Dan Perbelanjaan Pembangunan Bagi Tahun 2016**

| BIL | PERUNTUKAN (RM) | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Peningkatan sistem Stesen Pam Kemubu KADA, Kelantan | 6,000,000 | 6,000,000 |
| 2 | Perolehan Pam Mudahalih dan Penggantian Jentera Pertanian | 3,000,000 | 3,000,000 |
| 3 | Menaiktaraf Infrastruktur Pengairan dan Saliran KADA | 6,000,000 | 6,000,000 |
| 4 | Pembangunan Sistem Saliran kawasan Bachok dan Tumpat | 4,000,000 | 4,000,000 |
| 5 | Peningkatan dan Naik Taraf loji Benih Padi Sah | 1,500,000 | 1,500,000 |
| 6 | Peningkatan Pendapatan Petani Berskala Kecil | 2,400,000 | 2,400,000 |
| 7 | Peningkatan Hasil Melalui Kaedah Pengurusan Padi Secara Lestari | 2,000,000 | 2,000,000 |
| 8 | Pembinaan 3 Pusat Belian Padi (PBP) dan Kemudahan | 860,000 | 860,000 |
| **JUMLAH BESAR** | | **25,760,000** | **25,760,000** |

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI




# 2016

# LAPORAN PRESTASI PENGURUSAN

## LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU

# PRESTASI PENGURUSAN

## Struktur Organisasi

Pentadbiran Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dikawalselia oleh Jemaah Pengarah yang dianggotai oleh sebelas (11) orang ahli, terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli Berkedudukan Profesional.

Pengurusan Lembaga pula diketuai oleh seorang Pengurus Besar dan dibantu oleh dua orang Timbalan Pengurus Besar yang bertanggungjawab terhadap pencapaian objektif KADA secara keseluruhannya.

## Kedudukan Perjawatan

Pada tahun 2016 sejumlah 1,137 jawatan telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut 1 jawatan adalah daripada Pengurusan Tertinggi, 73 jawatan adalah Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 1,034 jawatan daripada Kumpulan Sokongan/Pelaksana dan 29 jawatan lagi daripada Unit Pembangunan Modal Insan.

Sehingga akhir tahun 2016 sejumlah 1,028 jawatan telah diisi dan bilangan kekosongan ialah sebanyak 111 jawatan. Jawatan-jawatan yang telah diisi ialah 1 jawatan Pengurusan Tertinggi, 68 jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 932 jawatan Kumpulan Sokongan/Pelaksana dan 25 jawatan bagi Unit Pembangunan Modal Insan. Kedudukan perjawatan sehingga akhir 2016 adalah sebagaimana jadual di sebelah;

**Jadual 5: Kedudukan Perjawatan KADA 2016**

| Kumpulan | Bil. Jawatan Diluluskan (Org) | Bil. Jawatan Diisi (Org) | Bilangan Kekosongan (Org) |
|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi | 1 | 1 | 0 |
| Pengurusan dan Profesional | 73 | 68 | 5 |
| Kumpulan Sokongan/Pelaksana | 1,034 | 932 | 102 |
| Unit Pembangunan Modal Insan | 29 | 25 | 4 |
| **JUMLAH** | **1,137** | **1,026** | **111** |

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# LAPORAN PRESTASI KOMODITI

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU

## PADI

Aktiviti utama KADA ialah memberi perkhidmatan bagi membolehkan petani menanam padi dua kali setahun. Pada tahun 2016, keluasan bertanam pada Musim Utama ialah 26,985 hektar, manakala luas bertanam untuk Luar Musim ialah 26,851 hektar, menjadikan keluasan bertanam tahun tersebut sebanyak 53,836 hektar. Intensiti penanaman bagi tahun 2016 ialah 192 %. Purata hasil bersih Musim Utama ialah 4.722 tan/hektar, manakala purata hasil bersih Luar Musim dianggarkan sebanyak 4.497 tan/hektar. Pengeluaran bersih padi keseluruhan bagi tahun 2016 ialah 248,172 tan, meningkat sebanyak 18,657 tan berbanding tahun 2015.Ini digambarkan pada jadual 5 dibawah:

**Jadual 6: Pencapaian Aktiviti Tanaman Padi Bagi Tahun 2016**

| Aktiviti | Keluasan Bertanam (ha) | Purata Hasil Padi Bersih(Tan/Ha) | Intensiti Penanaman (%) | Pengeluaran Padi (Tan) |
|---|---|---|---|---|
| Musim Utama | 26,985 | 4.722 | 96 | 127,423 |
| Luar Musim | 26,851 | 4.497 | 96 | 120,749 |
| **Jumlah** | **53,836** | **4.610** | **192** | **248,172** |

## EPP11: PROJEK ESTET PADI PENGURUSAN BERPUSAT NKEA - KADA

KADA turut berperanan penting dalam merealisasikan Negara berpendapatan tinggi, Tumpuan utama terhadap peningkatan pengeluaran padi melalui Projek Estet Padi Pengurusan Berpusat iaitu salah satu program di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA). Melalui Projek Estet Padi ini, produktiviti tanaman padi dapat ditingkatkan dan seterusnya menjamin pendapatan petani yang terlibat dalam aktiviti ini.

### Pelaksanaan

Pelaksanaan projek ini melibatkan tiga kumpulan utama iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai Syarikat Peneraju (SPV), Pengusaha sebagai petani yang mengusahakan sawah samada pemilik ataupun penyewa serta Pembekal

Perkhidmatan iatu mereka yang terlibat dalam membekal traktor pembajak sawah, mesin jentuai, pengangkutan dan pekerja ladang.

Keluasan Projek Estet Padi disasarkan seluas 5,000 hektar dengan purata keluasan yang terlibat setiap tahun sebanyak 600 hektar. Setiap kawasan yang berpotensi ditingkatkan hasil akan dipilih sebagai projek perintis. Semua petani dalam kawasan KADA berpeluang untuk menyertai projek ini dan setiap yang terlibat akan terikat dengan perjanjian penyerahan pengurusan secara sewa bagi tempoh 5 tahun.

Melalui projek ini setiap petani mampu memperoleh hasil yang lebih tinggi kerana kerja-kerja persawahan akan dilaksanakan mengikut amalan pertanian baik secara pengurusan berpusat. Selain itu, bekalan input pertanian, perkhidmatan traktor, jentuai dan pengangkutan juga akan dikenakan caj pada kadar yang berpatutan. Bagi memberi galakan kepada petani menceburkan diri, kerajaan bertindak memberi insentif galakan sebanyak RM2,000/ha bagi tempoh 5 musim pelaksanaan. Bayaran pengurusan sebanyak RM70/tan bagi setiap hasil bersih akan dikenakan selepas penuaian hasil padi setiap musim.

Bagi PPK pula, projek ini mampu mewujudkan satu perniagaan teras dengan memperoleh keuntungan melalui urusan bekalan dan perkhidmatan seperti bekalan input, mekanisasi ladang, perkhidmatan pengangkutan dan pemasaran serta komisyen jualan padi dari kilang. Ini berikutan hasil pengeluaran padi perlu dijual menerusi PPK.

## Pencapaian

Pada tahun 2016, tiada projek baru ladang NKEA di bangunkan memandangkan KADA memberi fokus kepada pembangunan ladang NKEA yang sedia ada. Sehingga kini jumlah keseluruhan ladang NKEA KADA yang telah beroperasi ialah seluas 1677.8 hektar. Sebanyak 10 PPK telah terlibat sebagai SPV bagi projek ini iaitu PPK Puteri Saadong, PPK Sungai Ketereh, PPK Jaya Peringat, PPK Cherang Rotan, PPK Nilam Puri, PPK Sri Gunung, PPK Bukit Jawa, PPK Bunga Raya, PPK Alor Mas dan PPK Bakat Baru. Berikut adalah prestasi keluasan bendang yang terlibat dengan projek ini:



## Jadual 7: Prestasi Ladang Projek NKEA bagi Tahun 2016

| Bil. Ladang | Ladang NKEA | SPV (PPK) | Luas (hektar) | Bil. Pemilik Tanah |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pauh Sembilan | Puteri Saadong | 106.48 | 394 |
| 2 | Lanchang | Sungai Ketereh | 43.03 | 146 |
| 3 | Dendang | | 92.20 | 441 |
| 4 | Padang upih | | 68.48 | 318 |
| 5 | Belukar Luas | | 37.85 | 186 |
| 6 | Melor Lama Fasa 1 | Jaya Peringat | 23.71 | 45 |
| 7 | Melor Lama Fasa 2 | | 68.52 | 116 |
| 8 | Tegayong | | 30.55 | 52 |
| 9 | Badak Mati | | 102.31 | 267 |
| 10 | Dalam Huma | Cherang Rotan | 75.94 | 165 |
| 11 | Nilam Baru | Nilam puri | 79.43 | 50 |
| 12 | Alor Bakat | Sri Gunung | 223.54 | 469 |
| 13 | Tasek Pauh | Bukit Jawa | 160.45 | 351 |
| 14 | Telok Jering | Bunga Raya | 270.33 | 307 |
| 15 | Jal Kechik | | 126.30 | 360 |
| 16 | Banggol Che Dol | Alor Mas | 89.76 | 153 |
| 17 | Dato Paduka | Bakat Baru | 78.96 | 534 |
| **JUMLAH** | | | **1677.88** | **4,354** |

### Jadual 8: Prestasi Hasil Projek NKEA bagi Tahun 2015 dan 2016

| LADANG NKEA | HASIL SEBELUM PROJEK (TAN/HA) | SELEPAS PROJEK (TAN/HA) MUSIM | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | MU 2014/15 | LM 2015 | MU 2015/16 | LM 2016 |
| Pauh Sembilan | 4.50 | 6.96 | 4.00 | 6.00 | 5.56 |
| Lachang | 4.00 | 4.40 | 6.50 | 6.50 | 6.50 |
| Melor Lama F1 | 3.80 | 4.80 | 8.00 | 8.00 | 4.00 |
| Tegayong | 4.00 | 4.10 | 5.50 | 6.10 | 5.22 |
| Alor Bakat | 4.60 | 3.50 | 2.78 | 4.80 | 4.90 |
| Dalam Huma | 3.50 | 5.00 | TB | 5.52 | 4.48 |
| Jal Kechik | 3.70 | 4.40 | 8.00 | 5.34 | 5.40 |
| Teluk Jering | 4.00 | 4.39 | 3.80 | 5.34 | 5.90 |
| Dendang | 3.80 | 4.20 | 5.00 | 4.60 | 5.80 |
| Melor Lama F2 | 3.80 | 4.80 | 8.00 | 6.80 | 3.96 |
| Padang Upeh | 3.50 | 4.50 | 4.30 | 5.00 | 6.20 |
| Nilam Baru | 4.00 | 3.52 | 4.80 | 6.50 | 5.20 |
| Tasik Pauh | 4.10 | 5.50 | 5.00 | 5.20 | 4.80 |
| Banggol Che Dol | 4.23 | BELUM PROJEK | | 4.40 | 4.60 |
| Badak Mati | 4.47 | BELUM PROJEK | | 8.80 | 3.99 |
| Dato' Paduka | 4.31 | BELUM PROJEK | | 6.90 | 6.20 |
| Belukar Luas | 4.62 | BELUM PROJEK | | 4.80 | 5.80 |

Nota:

TB – Tidak Bertanam
MU – Musim Utama
LM – Luar Musim



### Rumusan

Projek NKEA KADA sedang mendapat sambutan baik dari petani-petani dan melihat kepada arah aliran penerimaan petani, KADA mungkin boleh menyiapkan projek ini sebelum 2020. Matlamat KADA untuk membangunkan 5,000 ha melibatkan peruntukan sebanyak RM 125 juta boleh tercapai dalam tahun 2020 dengan usaha-usaha yang gigih daripada pimpinan pengurusan KADA. Prestasi hasil yang menggalakkan di ladang-ladang NKEA membolehkan objektif hasil purata 6.5 tan/ha sebelum tahun 2020 akan tercapai. Dengan meningkatnya hasil ladang, pengusaha dan petani akan menambahkan pendapatan mereka. Ini termasuklah insentif-insentif yang disediakan bagi petani dan tuan tanah yang begitu lumayan.

## MINI ESTET PADI

Projek Mini Estet Padi (MEP) merupakan pendekatan yang dilakukan dengan berkonsepkan seperti ladang kelompok dalam usaha untuk meningkatkan pengeluaran padi. Projek ini menumpukan kepada usaha pemuafakatan petani dalam kawasan bendang yang membentuk satu gabungan untuk mengerjakan sawah secara bersama dan bersepadu di bawah satu pengurusan secara berpusat. Kumpulan petani ini akan membentuk satu jawatankuasa khas dikalangan mereka dan turut dianggotai oleh pegawai KADA sebagai perunding dan pemudahcara. Jawatankuasa ini akan berfungsi untuk merangka jadual kerja tanaman padi termasuk tarikh menanam, jadual pembajaan, kawalan perosak tanaman, pengurusan air dan urusan penuaian berpandukan khidmat nasihat dari pegawai KADA. Ini akan membolehkan aktiviti penanaman padi dijalankan secara serentak dan dapat meningkatkan kecekapan pengurusan tanaman. Selain itu, pengurusan kawalan rumpai, penyakit dan perosak tanaman akan menjadi lebih teratur dan lebih berkesan.

Projek MEP mendapat kemudahan tenggala tanah dan bekalan input pertanian seperti seperti benih, baja tambahan, racun dan kemudahan lain secara kredit melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Pembayaran balik akan dilakukan setelah selesai urusan penuaian dan penjualan padi. Mini Estet Padi merupakan pengurusan

ladang yang berkesan dalam meningkatkan hasil padi dan hubungan sosial dikalangan petani dan pegawai melalui jawatankuasa yang ditubuhkan. Manakala kemudahan sistem kredit daripada PPK masing-masing turut membantu para petani mengusahakan sawah mereka. Pengurusan ladang dikendalikan oleh petani sendiri di bawah penyeliaan dan khidmat nasihat pegawai-pegawai KADA.

Sehingga tahun 2016, terdapat 154 projek MEP yang direkodkan dan terdapat 13 PPK yang membantu operasi ini. Hasil tertinggi yang pernah dicatat pada tahun 2016 ialah 7.20 tan/ha. Prestasi hasil secara keseluruhan MEP adalah sebagaimana jadual 9 di bawah :

**Jadual 9: Prestasi Mini Estet Padi Bagi Tahun 2016**

| BIL | MAKLUMAT | MUSIM UTAMA 2015/2016 | LUAR MUSIM 2016 | KESELURUHAN 2016 |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Bil. PPK | 13 | 13 | 13 |
| 2 | Bil. MEP | 140 | 154 | 154 |
| 3 | Luas MEP | 10,799.06 | 10,799.06 | 10,799.06 |
| 4 | Bil. Peserta | 3,066 | 3,340 | 3,340 |
| 5 | Luas Bertanam (ha) | 9,768.92 | 10,780.40 | 20,549.32 |
| 6 | Hasil Basah Tertinggi (tan/ha) | 6.90 | 7.20 | 7.20 |
| 7 | Purata Hasil (tan/ha) | 5.27 | 5.05 | 5.16 |
| 8 | Jumlah Pengeluaran (tan) | 51,445.54 | 54,491.11 | 105,936.65 |
| 9 | Nilai Pengeluaran (RM) | 49,387,719.40 | 52,311,465.60 | 101,699,184.00 |



# LADANG MERDEKA

Pembangunan tanaman padi menerusi projek ladang merdeka merupakan satu projek pembangunan infrastruktur yang holistik kerana sistem pengairan dan saliran, jalan ladang, serta pemerataan tanah dibekalkan dalam satu pakej yang lengkap.

Secara keseluruhannya Ladang Merdeka telah berjaya melakukan transformasi pengurusan dengan baik setelah pelaksanaan SOP Lamer-Tech di dalam pengurusan tanaman ladang. Kini SOP ini turut diperkembangkan kepada petani KADA dalam siri ceramah dan *hands on* bagi memantapkan pengurusan sawah di peringkat petani KADA.

## Objektif

- Menangani masalah kemiskinan melalui peningkatan hasil padi dan bukan padi.
- Memerdekakan sawah terbiar.
- Memerdekakan pemilik sawah dan penyewa.
- Meningkatkan daya produktiviti melalui:
    - Pengurusan secara estet
    - Penggunaan tenaga buruh yang efektif
    - Penggunaan jentera ladang
    - Penggunaan input pertanian secara berkesan dan menjimatkan
- Mewujudkan operasi pengeluaran

**Konsep Dan Cabaran Masa Depan**

Tatacara pelaksanaan bersepadu menggabungkan pelaksana dan kumpulan sasar. Penglibatan semua lapisan masyarakat dan pemimpin tempatan. Satu model "on farm development" mengubah amalan kerja yang tidak sistematik kepada satu budaya kerja yang menitikberatkan pengurusan berestet yang jauh lebih maju dan mempunyai daya pengeluaran yang tinggi.



### Halatuju Pengurusan Ladang Merdeka Di Masa Depan.

- Menjadikan 30% Daripada Tanah Padi Kada Sebagai Ladang Merdeka
- Menswastakan Pengurusan Ladang Merdeka Kepada Yang Berminat/PPK.

### Prestasi

Prestasi keseluruhan menunjukkan peningkatan yang signifikan selepas pelaksanaan SOP (Lamer-Tech) dalam pengurusan tanaman ladang. Pada tahun ini, prestasi hasil Ladang Merdeka adalah 6.52 tan/hektar pada Musim Utama 2015/2016 dan pada Luar Musim pula sebanyak 6.48 tan/hektar menjadikan purata hasil bagi tahun 2016 ialah 6.50 tan/hektar. Selain hasil yang memberangsangkan, masalah siput gondang emas dan padi angin dapat diatasi dengan baik. Ia bukan lagi menjadi halangan kepada Ladang Merdeka untuk mencapai status ladang berhasil dan berkualiti tinggi. Ini melayakkan ladang merdeka menjadi ladang benih terbesar di KADA.

## Jadual 10: Prestasi Pencapaian Ladang Merdeka Musim Utama 2015/2016 dan Luar Musim 2016

| BIL | LADANG MERDEKA | MUSIM UTAMA 2015/2016 | | | | LUAR MUSIM 2016 | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | LUAS BERTANAM (HA) | BIL. PESERTA | PURATA HASIL (TAN/HA) | PURATA PENDAPATAN BERSIH (RM/HA) | LUAS BERTANAM (HA) | BIL. PESERTA | PURATA HASIL (TAN/HA) | PURATA PENDAPATAN BERSIH (RM/HA) |
| 1. | Ana 1 | 99.04 | 421 | 5.64 | 1,723.97 | 99.04 | 421 | 5.44 | 1,336.62 |
| 2. | Ana 2 | 39.25 | 143 | 5.44 | 1,359.05 | 39.25 | 143 | 5.52 | 1,026.18 |
| 3. | Ana 3 | 33.77 | 54 | 5.8 | 1,309.63 | 33.77 | 54 | 7.00 | 1,008.00 |
| 4. | Kolam | 38.18 | 146 | 5.44 | 3,340.13 | 38.18 | 146 | 6.88 | 2,605.88 |
| 5. | Senor | 40.44 | 107 | 7.24 | 2,789.50 | 40.44 | 107 | 6.64 | 1,794.32 |
| 6. | Bakong | 41.79 | 107 | 6.04 | 1,111.95 | 41.79 | 107 | 5.52 | 917.68 |
| 7. | Meranti | 37.24 | 126 | 5.44 | 1,729.70 | 37.24 | 126 | 5.80 | 1,403.76 |
| 8. | Ismail Mulong | 98.97 | 577 | 6.48 | 2,835.26 | 97.47 | 577 | 7.00 | 2,325.90 |
| 9. | Tok Limin | 11.74 | 109 | 6.56 | 1,754.41 | 11.74 | 109 | 5.84 | 1,323.32 |
| 10. | Manan | 30.99 | 249 | 7.68 | 1,754.41 | 30.99 | 249 | 7.52 | 1,475.98 |
| 11. | Bunut Susu | 7.78 | 44 | 7.64 | 1,754.41 | 7.78 | 44 | 7.12 | 1,480.27 |
| 12. | Tok Lebir | 7.17 | 63 | 5.40 | 812.01 | 7.77 | 63 | 7.45 | 786.42 |
| 13. | Jabil | 28.51 | 125 | 8.24 | 1,729.70 | 28.51 | 125 | 8.08 | 1,436.94 |
| 14. | Jelor | 45.41 | 240 | 6.24 | 840.14 | 45.41 | 240 | 5.96 | 540.83 |
| 15. | Teratak Pulai | 36.87 | 198 | 7.92 | 2,079.41 | 36.87 | 198 | 6.04 | 1,487.30 |
| 16. | Cherbu | 45.45 | 279 | 8.44 | 1,955.95 | 45.45 | 279 | 6.56 | 1,229.16 |
| 17. | Terbok | 35.31 | 165 | 5.24 | 741.30 | 35.31 | 165 | 5.76 | 741.30 |
| JUMLAH / PURATA | | 677.91 | 3,153 | 6.52 | 1,742.41 | 677.01 | 3,153 | 6.48 | 1,348.23 |



## SKIM BAJA PADI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN SKIM INSENTIF PENGELUARAN PADI

Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan Dan Skim Insentif Pengeluaran Padi merupakan satu usaha kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran padi Negara selain menambah pendapatan penanam padi. Dasar pemberian adalah kepada pengusaha yang mengerjakan sawah dengan keluasan maksimum 25 ekar (10.12 hektar). Jadual 10 menunjukkan Skim Baja Subsidi dan Skim Insentif yang diberi oleh kerajaan kepada golongan petani KADA mengikut keluasan yang diusaha oleh mereka.

**Jadual 11: Jenis Insentif dan Kadar Pembahagian Subsidi bagi tahun 2016**

| Bil | SKIM | INPUT | KADAR |
|---|---|---|---|
| 1. | Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) | • Sebatian<br>• Urea | • 12 beg/ha<br>• 4 beg/ha |
| 2. | Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) | • Organik<br>• NPK Tambahan<br>• Racun Makhluk Perosak<br>• Kapur | • RM140/ha<br>• RM400/ha<br>• RM200/ha<br>• RM970/ha |

Pada Musim Utama tahun 2015/2016, di bawah Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP), sejumlah 5,701.26 tan baja sebatian dan 2,397.50 tan baja urea telah diedarkan kepada petani. Manakala pada Luar Musim 2016 pula baja sebatian telah diedarkan sebanyak 5,540.88 tan dan 2,331.70 tan baja urea telah diagihkan kepada petani – petani dalam kawasan KADA. Edaran baja bagi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan secara keseluruhannya adalah sebagaimana di jadual 11 di bawah:

**Jadual 12: Edaran Baja Subsidi Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) Tahun 2016**

| BAJA / MUSIM | MUSIM UTAMA 2015/2016 | | LUAR MUSIM 2016 | |
|---|---|---|---|---|
| | Tan | RM | Tan | RM |
| Sebatian | 5,701.26 | 12,480,058.14 | 5,540.88 | 12,128,986.32 |
| Urea | 2, 397.50 | 4,423,387.50 | 2,331.70 | 4,301,986.50 |
| **JUMLAH** | **8,098.76** | **16,903,445.64** | **7,872.58** | **16,430,972.82** |

Di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) pula, pengedaran baja organik pada Musim Utama adalah sebanyak 2,429.80 tan manakala 4,636.73 tan baja NPK Tambahan dengan nilaian keseluruhan sebanyak RM 14,075,487.40. Manakala pada Luar Musim 2016, sebanyak 2,419.74 tan baja organik dan 4,440.58 tan baja NPK Tambahan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 13,592,524.62. Jadual di bawah menunjukkan nilai pemberian subsidi Skim Insentif Pengeluaran Padi bagi tahun 2016.

**Jadual 13: Edaran Baja di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi**

| BAJA / MUSIM | MUSIM UTAMA 2015/2016 | | LUAR MUSIM 2016 | |
|---|---|---|---|---|
| | Tan | RM | Tan | RM |
| Organik | 2429.80 | 2,947,347.40 | 2,419.74 | 2,935,144.62 |
| NPK Tambahan | 4,636.73 | 11,128,140.00 | 4,440.58 | 10,657,380.00 |
| **JUMLAH** | **7,066.53** | **14,075,487.40** | **6,860.32** | **13,592,524.62** |





## PENGELUARAN BENIH PADI SAH

Kementerian telah menetapkan bahawa pesawah padi mesti menggunakan benih padi sah daripada pengeluar-pengeluar yang dilantik dan KADA telah dilantik oleh kerajaan sebagai salah satu pengeluar benih padi sah mulai tahun 2011. Pada tahun 2016, KADA telah melaksanakan projek ini dengan keluasan 725.47 hektar dengan melibatkan peserta seramai 166 orang sebagaimana jadual 13 di bawah: -

**Jadual 14: Keluasan Ladang Benih Bagi Musim Utama Dan Luar Musim 2016**

| Punca | Musim Utama 2015/2016 | | | Luar Musim 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil. Ladang | Keluasan (ha) | Bil. Peserta | Bil. Ladang | Keluasan (ha) | Bil. Peserta |
| Ladang Merdeka | 3 | 92.67 | 3 | 6 | 139.51 | 6 |
| MEP | 18 | 258.44 | 60 | 24 | 415.54 | 100 |
| Lain-lain | 18 | 137.60 | 51 | 20 | 197.42 | 60 |
| **Jumlah** | **39** | **488.71** | **114** | **50** | **752.47** | **166** |

Semua hasil ladang benih tersebut dihantar ke Pusat Sediaan Benih (PSB) KADA untuk pemprosesan pengeluaran benih padi sah. Varieti-varieti yang dihasilkan untuk kegunaan petani dalam kawasan KADA pada tahun 2016 adalah terdiri daripada jenis MR263 dan MR284 sahaja.

**Jadual 15: Pengeluaran Benih di Pusat Sediaan Benih (PSB) KADA**

| PSB | Kapasiti Pengeluaran (MT) | Musim Utama 2015/2016 | | Luar Musim 2016 | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Pengeluaran Padi Mengikut Jenis (MT) | | Pengeluaran Padi Mengikut Jenis (MT) | |
| | | MR263 | MR284 | MR263 | MR284 |
| Tendong | 900 | 369.50 | 0.00 | 342.04 | 0.00 |
| Melor | 300 | 78.67 | 0.00 | 178.84 | 0.00 |
| Puteri Saadong | 300 | 192.98 | 0.00 | 0.00 | 176.84 |
| Jelor | 300 | 443.89 | 0.00 | 212.72 | 0.00 |
| Lundang | 1,200 | 199.87 | 0.00 | 606.90 | 0.00 |
| **Jumlah** | **3,000** | **1,284.91** | **0.00** | **1,340.50** | **176.84** |

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# AKTIVITI BUKAN PADI & INDUSTRI ASAS TANI

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU




# AKTIVITI BUKAN PADI

## Penternakan Lembu

Ternakan lembu di Malaysia menjanjikan pulangan yang tinggi kepada pelabur kerana penggunaan daging lembu negara semakin meningkat dan permintaan yang masih tidak mencukupi. Menyedari hakikat itu KADA telah mengambil langkah untuk memulakan projek ternakan lembu melalui sistem pawah. Sistem pawah dijalankan dengan cara pemberian bantuan seekor lembu induk betina kepada peserta yang layak melalui tapisan oleh mesyuarat kelulusan peringkat KADA. Perjanjian antara KADA dan peserta (pemawah) akan tamat dengan penyerahan balik seekor anak yang berumur 1 tahun dari baka induk kepada pihak KADA untuk diberikan kepada peserta lain yang layak mengikut prosedur biasa pemberian bantuan. Manakala baka induk dan anak yang berikutnya akan menjadi milik peserta.

Pada tahun 2016, penternak lembu yang bergiat aktif di kawasan KADA adalah seramai 308 orang dengan bilangan ternakan sejumlah 6,145 ekor. Pendapatan yang telah dihasilkan melalui ternakan lembu sepanjang tahun 2016 adalah sebanyak RM 13.09 juta dengan jumlah lembu yang terjual sebanyak 5,285 ekor.

**Jadual 16: Prestasi Ternakan Lembu di KADA Bagi Tahun 2016**

| PKJ | Bil Peserta (Orang) | Bilangan Diternak (Ekor) | Bilangan Dijual (Ekor) | Pendapatan (RMj) |
|---|---|---|---|---|
| Kota Bharu Utara | 47 | 351 | 250 | 0.63 |
| Kota Bharu Selatan | 46 | 1,693 | 1,452 | 3.63 |
| Pasir Puteh | 57 | 1,089 | 967 | 2.4 |
| Bachok | 56 | 1,019 | 872 | 1.73 |
| Tumpat | 43 | 872 | 747 | 2.20 |
| Pasir Mas | 59 | 1,121 | 997 | 2.50 |
| **JUMLAH** | **308** | **6,145** | **5,285** | **13.09** |

### Penanaman Sayur-sayuran, Tanaman Kontan Dan Projek Buah-buahan Komersil

Tanaman sayur-sayuran dan tanaman kontan merupakan satu lagi program yang dilaksanakan oleh KADA untuk membantu para petani. Antara jenis sayur-sayuran dan tanaman kontan yang diusahakan adalah seperti Ketiak Jagung, Kacang Panjang, Bendi, Jagung Manis, Timun Batang, Terung, Lada Kulai, Petola dan Labu Sayur. Sepanjang tahun 2016, sejumlah 945 hektar kawasan telah diusahakan oleh 497 orang petani dan sejumlah 9,444 tan metrik sayur-sayuran telah dikeluarkan dengan nilaian sebanyak RM 7.50 juta.

Selain daripada sayur-sayuran dan tanaman kontan, KADA juga telah melaksanakan beberapa Projek Buah-Buahan Komersil yang di antaranya adalah tanaman buah Tembikai. Projek ini telah dilaksanakan di sekitar Bakong, Nilam Puri, Mulong, Lubok Jambu, Banggol Nyor dan Kayu Rendang yang melibatkan keluasan sebanyak 888 hektar. Jumlah pengeluaran yang berjaya dihasilkan adalah sebanyak 13,078 tan metrik dengan nilaian RM 4.7 juta.

## INDUSTRI ASAS TANI

Aktiviti pemprosesan makanan telah diperkenalkan juga bagi menambahkan pendapatan petani kecil dan sambilan untuk menampung keperluan hidup mereka. Kini aktiviti pemerosesan makanan banyak membantu petani menaikkan taraf hidup mereka kerana aktiviti ini juga mampu menjana pendapatan yang lumayan.

### Prestasi Pembangunan Industri Asas Tani

Sehingga akhir tahun 2016, KADA telah berjaya melahirkan seramai 1,188 orang usahawan bimbingan dengan nilai jualan mencecah sehingga RM 49,672,530 juta. Antara produk-produk yang dihasilkan adalah dibawah kluster-kluster seperti makanan segera, lauk-pauk, herba, jus minuman, makanan separa berat, sos dan kraf.





**Jadual 17: Prestasi Produk Pengeluaran Industri Asas Tani Bagi Tahun 2016**

| Kategori | 2016 | |
|---|---|---|
| | Bil. Peserta | Nilai (RM) |
| Makanan Segera | 774 | 24,544,060 |
| Lauk-pauk | 188 | 11,425,930 |
| Jus/Air | 65 | 4,148,740 |
| Separa Berat | 41 | 3,260,000 |
| Sos | 40 | 3,644,900 |
| Herba | 29 | 1,072,200 |
| Kraftangan | 51 | 1,576,700 |
| **Jumlah** | **1188** | **49,672,530** |

Jadual 15 di atas menunjukkan prestasi Industri Asas Tani (IAT) bagi tahun 2016 mengikut kategori. Secara keseluruhan, aktiviti pengeluaran bagi semua kategori memberi nilaian sejumlah RM 49,672,530 dengan bilangan peserta seramai 1,188 orang. Kategori bagi makanan segera memberi nilaian tertinggi iaitu sebanyak RM 24,544,060 dan telah memberi sumbangan sebanyak 49.4% dari jumlah keseluruhan dengan bilangan peserta berdaftar seramai 774 orang diikuti oleh kategori lauk pauk dengan nilaian sebanyak RM 11,425,930 dengan bilangan peserta seramai 188 orang. Kategori herba pula memberi nilaian terendah iaitu RM 1,078,200 atau 2.2% dengan bilangan penyertaan hanya seramai 29orang.

**Jadual 18: Bilangan Usahawan Mengikut Tahap Bagi Tahun 2016**

| Kategori Tahap PKS | Nilai Jualan Tahunan (RM) | Bilangan Usahawan 2016 |
|---|---|---|
| PKS 1 | ≤50,000 | 872 |
| PKS 2 | >50,000 – ≤100,000 | 182 |
| PKS 3 | >100,000 – ≤300,000 | 112 |
| PKS 4 | >300,000 – ≤5,000,000 | 20 |
| PKS 5 | >5,000,000 – ≤15,000,000 | 2 |
| PKS 6 | >15,000,000 – 50,000,000 | - |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **1188** |


Sumbangan Produk IAT Mengikut Kategori Bagi Tahun 2016
Separa Berat RM 3,260,000 7%
Sos RM 3,644,900 7%
Herba RM 1,072,200 2%
Kraftangan RM 1,576,700 3%
Jus/Air RM 4,148,740 8%
Lauk-pauk RM 11,425,930 23%
Makanan Segera RM 24,544,060 49%
Makanan Segera
Lauk-pauk
Jus/Air
Separa Berat
Sos
Herba
Kraftangan

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# LAPORAN PRESTASI INSTITUSI PELADANG

## LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU



## PEMBANGUNAN INSTITUSI PELADANG

Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) adalah merupakan Institusi Peladang yang ditubuhkan oleh Kerajaan di bawah Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973 . Tujuan penubuhan PPK adalah untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran serta melahirkan masyarakat peladang yang maju dan dinamik. Pertubuhan Peladang adalah merupakan institusi peladang yang bertanggungjawab untuk memajukan ahli-ahli peladang melalui peranan seperti berikut :-

1. Meningkatkan daya pengeluaran peladang menerusi penyediaan perkhidmatan
2. Meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian yang pesat menerusi usaha penyusunan semula pertanian
3. Meningkatkan bidang perniagaan dan pertumbuhan pelaburan PPK
4. Meningkatkan taraf ekonomi dan kualiti penghidupan peladang dan
5. Mengimbangi pembangunan sektor perladangan dan perindustrian menerusi pembangunan perusahaan asas tani di kawasaan luar bandar

Di dalam kawasan pengendalian KADA terdapat 13 buah PPK di bawah pengawasan dan pengawalan Pengurus Besar KADA selaku Wakil Pendaftar yang diperturunkan kuasa oleh Pendaftar di bawah Seksyen 7 (2), Akta Pertubuhan Peladang 1973, yang bertanggungjawab mengawal, mengawas kegiatan Pertubuhan Peladang supaya selaras dengan kehendak perundangan dan matlamat penubuhannya.

Maklumat asas bagi 13 buah PPK di dalam kawasan KADA adalah seperti di jadual 18;



**Jadual 19: Maklumat Asas Pendaftaran PPK KADA**

| PPK | Bil Keluarga Tani | Keahlian | | Jumlah Modal Saham Ahli (RM) | Purata Saham Setiap Ahli (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Ahli PPK | % Penglibatan | | |
| Sg Ketereh | 5,700 | 4,099 | 72 | 1,180,615 | 288.03 |
| Tanjung Puri | 3,800 | 2,370 | 62 | 502,808 | 212.16 |
| Cherang Rotan | 3,850 | 2,959 | 77 | 587,174 | 198.44 |
| Bunga Raya | 3,205 | 3,867 | 121 | 633,805 | 163.90 |
| Bukit Jawa | 7,000 | 2,404 | 34 | 531,064 | 220.91 |
| Jaya Peringat | 3,400 | 3,510 | 103 | 733,884 | 209.08 |
| Puteri Sadong | 3,600 | 3,010 | 84 | 1,297,347 | 431.01 |
| Kubang Sepat | 3,350 | 2,633 | 79 | 531,424 | 201.83 |
| Nilam Puri | 4,500 | 2,932 | 65 | 788,888 | 269.06 |
| Sri Gunong | 5,500 | 3,550 | 65 | 1,066,970 | 300.55 |
| Alor Mas | 3,800 | 2,974 | 78 | 445,569 | 149.82 |
| Kubang Bunut | 3,700 | 3,326 | 90 | 469,838 | 141.26 |
| Bakat Baru | 3,000 | 2,147 | 72 | 497,321 | 231.64 |
| **Jumlah** | **54,405** | **39,781** | **73** | **9,266,707** | **232.94** |

## PRESTASI KEAHLIAN DAN SAHAM

Sehingga akhir tahun 2016, sejumlah 39,781 orang telah menjadi ahli PPK iaitu 73% berbanding dengan bilangan keluarga tani yang seramai 54,405 orang manakala jumlah modal saham ahli terkumpul adalah berjumlah RM 9,266,707 pada tahun ini. Keahlian PPK telah meningkat sebanyak 0.30% berbanding tahun 2015. Jumlah modal saham ahli meningkat sebanyak 5.40% berbanding tahun 2015. Kempen penambahan saham dan kesedaran ahli tentang pulangan dividen yang diperoleh membantu dalam peningkatan jumlah modal saham PPK. Ini secara tidak langsung meningkatkan purata saham bagi setiap ahli PPK. Purata saham bagi setiap ahli ialah RM 232.94 iaitu meningkat sebanyak 4.70 % berbanding tahun 2015.

Kedudukan ahli dan jumlah modal saham ahli di PPK adalah sebagaimana rajah dan jadual 19.

**Jadual 20: Kedudukan Ahli Dan Saham PPK**

| Tahun | Keahlian | | Saham | | Purata Saham | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | Bil Org | (%) Keahlian Keluarga Tani | RM | % peningkatan | RM | % peningkatan |
| 2013 | 39,276 | 72 | 8,084,312 | 8.07 | 206.00 | 8.4 |
| 2014 | 39,495 | 73 | 8,491,689 | 4.97 | 215.00 | 4.97 |
| 2015 | 39,529 | 73 | 8,766,586 | 3.24 | 221.78 | 3.15 |
| **2016** | **39,781** | **73** | **9,266,707** | **5.70** | **232.94** | **4.7** |




## PRESTASI KEWANGAN PPK

PPK menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan bagi memperkukuhkan sumber kewangan supaya mampu berdikari agar dapat memberi pulangan kepada ahli-ahli dalam bentuk dividen dan sebagainya. Pada tahun 2016, isipadu perniagaan keseluruhan PPK adalah berjumlah RM 45,608,413 iaitu merosot sebanyak 22.7% berbanding tahun 2015. Ini berikutan terdapat beberapa projek PPK tidak dapat dijalankan sebagaimana perancangan asal.

Jumlah keuntungan bersih pula mencatat keuntungan sebanyak RM 3,543,381 berbanding tahun 2015 yang mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM 3,712,566. Pada tahun 2016 menyaksikan 7 buah PPK berada di dalam kedudukan Kategori A dan 6 PPK berada di dalam kategori B. Pada tahun sebelumnya terdapat 6 PPK berada di dalam kategori A dan 7 PPK berada di dalam kategori B. Prestasi kewangan PPK bagi tahun 2016 adalah seperti di dalam jadual 21.

**Jadual 21: Prestasi Kewangan PPK**

| PPK | Kategori | Jumlah Harta (RM) | Jumlah Tanggungan (RM) | Isipadu Perniagaan (RM) | Keuntungan (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| Sg Ketereh | B | 4,535,472 | 2,385,042 | 1,972,720 | 206,596 |
| Tanjung Puri | B | 3,230,534 | 1,213,549 | 1,688,829 | 204,704 |
| Cherang Rotan | A | 2,896,038 | 464,527 | 8,184,616 | 389,026 |
| Bunga Raya | A | 4,155,903 | 762,516 | 3,011,961 | 589,944 |
| Bukit Jawa | A | 4,511,881 | 1,287,903 | 1,463,561 | 381,867 |
| Jaya Peringat | A | 4,307,837 | 735,906 | 9,196,420 | 774,212 |
| Puteri Saadong | B | 4,895,593 | 1,288,992 | 2,367,735 | 391,342 |
| Kubang Sepat | B | 2,045,583 | 460,834 | 1,942,322 | -246,608 |
| Nilam Puri | A | 4,680,295 | 850,195 | 2,885,757 | 241,271 |
| Sri Gunong | A | 4,987,740 | 1,172,549 | 6,507,808 | 623,637 |
| Alor Mas | B | 3,198,389 | 509,635 | 1,260,046 | 64,700 |
| Kubang Bunut | A | 2,617,954 | 408,604 | 1,092,308 | 170,307 |
| Bakat Baru | B | 1,939,785 | 570,832 | 4,034,330 | -247,617 |
| **Jumlah** | | **48,003,004** | **12,111,082** | **45,608,413** | **3,543,381** |







| | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 |
|---|---|---|---|---|---|
| Untung Bersih (RM) | RM435,201 | RM1,830,757 | RM3,093,240 | RM3,712,566 | RM3,543,381 |

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# PRESTASI PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU

## MENGUKUHKAN INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (INFORMATION COMMUNICATION AND TECHNOLOGY - ICT) DALAM MENYEDIAKAN PENYAMPAIAN YANG BERKESAN

Pada tahun 2016, fokus utama Cawangan Pembangunan Teknologi Maklumat(CPTM), KADA adalah kepada perkara-perkara berikut iaitu:

### A. Aplikasi




**Rajah 1: Senarai Penggunaan Aplikasi di KADA**

Rajah 1 menunjukkan 25 aplikasi yang digunakan dan diselenggara sepanjang 2016. Terdapat 3 kategori pembangunan aplikasi iaitu aplikasi yang dibangunkan secara dalaman (inhouse), menggunakan kepakaran luar (outsource) dan juga aplikasi Kerajaan Elektronik (Electronic Government). Pengguna aplikasi tersebut boleh dibahagikan kepada tiga pengguna iaitu golongan sasar, warga KADA dan juga untuk orang awam.




Rajah 2: Penggunaan Aplikasi Baru

Tahun 2016 pihak CPTM terlibat dengan penggunaan Sistem E-Undi bagi kegunaan pengundian sempena Mesyuarat Agung Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di bawah KADA. Sebanyak 13 PPK yang terlibat bermula Mac dan berakhir Jun 2016. Manakala Sistem MyBeras hanya melibatkan 8 PPK sahaja. Latihan kemasukan data padi bagi Musim 2/2015 untuk Sistem E-Padi yang melibatkan 13 PPK telah dibuat di Ibu Pejabat KADA. Selain daripada itu, pihak CPTM turut terlibat di dalam memberi input maklumat keahlian PPK kepada Projek Agriculture Flagship (AGF). Untuk pameran MAHA 2016 sebanyak 2 montaj disediakan untuk dipamerkan di Laman Padi dan satu aplikasi GIS dipamerkan di Sektor Agro IT.






Selain daripada itu, sebagai persediaan kepada Provider-Based Evaluation (ProBE) laman web bagi tahun 2016, daripada 47 kriteria terdapat 7 kriteria yang wajib dipatuhi salah satunya adalah "Responsive Web Design" yang bertujuan untuk memastikan laman web dapat dipaparkan mengikut kesesuaian penggunaan pelbagai peralatan seperti komputer peribadi, telefon pintar dan sebagainya. Justeru itu laman web KADA telah diselenggara untuk tujuan tersebut.

### B. Rangkaian dan Keselamatan




Rajah 3: Rangkaian 1GovNet KADA

Pada tahun ini, permohonan baru bagi pemasangan talian tambahan telah dibuat kepada pihak MAMPU. Talian tambahan ini berikutan perpindahan Pusat Kemajuan Peladang Kota Bharu Selatan ke pejabat baru di Pusat Latihan KADA Melor. Walau bagaimanapun, status pemasangan ini masih belum siap dan di dalam tindakan pihak GiTN.

Pemantauan keselamatan ICT yang merangkumi pemantauan penggunaan rangkaian dan pengoptimuman penggunaan rangkaian, telah mengurangkan risiko pencerobohan dan didapati KADA tidak mengalami sebarang insiden keselamatan IT yang serius. KADA adalah ahli GCERT di bawah MOA. Selain daripada itu, penyelenggaraan kepada polisi-polisi baru di dalam firewall sentiasa dikemaskini mengikut keperluan semasa keselamatan data dan juga rangkaian.

### C. Pengurusan Aset ICT




Rajah 4: Kedudukan Aset ICT

Berikut adalah nisbah kedudukan peralatan ICT mengikut bilangan penjawat dan juga bahagian. Penyelenggaraan yang berkala telah dilaksanakan oleh kakitangan teknikal

CPTM bagi memastikan aset tersebut sedia digunakan. Walaubagaimana pun peralatan yang tidak ekonomik untuk diperbaiki akan dilupuskan pada tahun hadapan.



Penyelenggaraan Berkala Oleh Kakitangan Teknikal CPTM

### D. Perkhidmatan Sokongan

Pihak CPTM juga menyediakan perkhidmatan sokongan yang lain seperti menyediakan perkhidmatan percetakan “business card”, sijil, montaj dan lain-lain.

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# PRESTASI KHIDMAT KEJURUTERAAN

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU

## KHIDMAT KEJURUTERAAN MEKANIKAL

Bahagian Kejuruteraan Mekanikal (BKM) terdiri daripada tiga (3) cawangan utama iaitu Cawangan Kejenteraan, Cawangan Mekanisasi Ladang dan Cawangan Pembangunan & Inovasi. Cawangan ini dipecahkan pula kepada lapan (8) unit iaitu Unit Jentera Kerjatanah, Unit Kenderaan, Unit Pam, Unit Fabrikasi & Inovasi, Unit Projek & Pengurusan Sumber, Pusat Kejenteraan Ladang (PKL) Kasar dan PKL Melor.

Bahagian ini mengendalikan semua aktiviti penyenggaraan aset alih dan aset tetap mekanikal milik KADA yang meliputi komponen jentera kerjatanah, kenderaan pengangkutan, jentera pertanian dan pam mekanikal yang berjumlah 558 buah keseluruhannya. Kelengkapan mekanikal berbentuk aset seperti kren, pemampat udara, 'production unit' dan peralatan mekanikal di Pusat Sedian Benih dan alat angkat pada pintu kawalan air. Selain itu, bahagian ini juga menyediakan perkhidmatan yang memerlukan kerja-kerja kimpalan dan pertukangan khas. Selain itu, Bahagian ini turut menyedia dan mengendalikan perkhidmatan kejenteraan ladang yang meliputi perkhidmatan sebelum dan selepas tuai. Perkhidmatan teknikal turut disediakan dalam pembangunan KADA terutama yang melibatkan perolehan kerja dan aset mekanikal.

Pada tahun 2016, aktiviti penyenggaraan yang dijalankan meliputi stesen pam, pintu kawalan air, kenderaan, jentera kerja tanah, traktor dan jentuai telah menelan kos sebanyak RM 5,869,043.78. Pembiayaan kakitangan menelan kos tertingi iaitu sebanyak RM 4,122,546.17. Pembiayaan terhadap alat ganti pula menelan kos sebanyak RM 882,137.44 manakala pembiayaan inden pula sebanyak RM 864,137.44.

Bagi aktiviti operasi traktor di Pusat Kejenteraan Ladang Melor dan Kasar, kos pembiayaan bagi kakitangan sebanyak RM 223,888.00 manakala bahan bakar sebanyak RM 137,689.96. Kos membabitkan cukai jalan adalah sebanyak RM 14,100.00 manakala kos bagi insurans pula ialah RM 11,100.00 menjadikan jumlah keseluruhan perbelanjaan ialah RM 386,777.96.



## PERKHIDMATAN UTILITI

Cawangan Utiliti pada asalnya adalah sebuah bahagian dan mulai pada Mac 2014 telah dijadikan sebuah cawangan di bawah bahagian Kejuruteraan Awam. Antara tugas utama Cawangan Utiliti adalah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan bangunan samada bangunan pejabat, bangunan kediaman kakitangan dan lain-lain bangunan milik KADA agar bangunan dalam keadaan selamat dan selesa untuk digunakan. Penyelenggaraan akan digunakan secara kontrak dan secara dalaman oleh pembantu peringkat kemahiran peringkat jabatan. Penyelenggaraan persekitaran seperti pemotongan rumput, pembersihan sampah dan landskap dilaksanakan secara dalaman oleh kakitangan KADA.

Cawangan ini juga dipertanggunjawabkan untuk menguruskan pentadbiran kontrak pembinaan baru, menyiasat dan menyelesaikan aduan-aduan berkaitan dan pemantuan aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing serta Penyelenggaraan jalan Ladang dan lintasan.

Pada tahun 2016, Cawangan Utiliti telah berjaya menguruskan projek baik pulih insfrastruktur jalan ladang dan pintasan bagi semua PKJ di dalam kawasan KADA yang telah menelan kos sebanyak RM 760,000.00. Selain daripada itu, terdapat juga kerja-kerja penyelenggaraan bangunan yang telah diuruskan oleh Cawangan Utliti seperti di Ibu Pejabat KADA, bangunan-bangunan pejabat di luar kompleks Ibu Pejabat, rumah-rumah kediaman kakitangan, bangunan-bangunan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan juga kerja-kerja pemasangan sistem retikulasi air di 10 unit kiosk di Dataran Warisan, Kok Lanas. Kesemua kerja-kerja ni telah menelan kos sebanyak RM 351,300.



Baik pulih sebuah chalet di PLP Lojing, Gua Musang



Pembinaan drainage pam di Bachok



Baikpulih stor Pusat Belian Padi



Pembinaan pagar sempadan PLP Melor

# PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

Cawangan Pengairan dan Saliran adalah salah satu cawangan di bawah Bahagian Kejuruteraan Awam yang menjalankan tugas pembinaan baru dan penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran, kerja-kerja pengurusan kontrak dan menyelaras pengurusan air pengairan. Projek penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran yang dibuat sepanjang tahun 2016 telah memberikan output dan outcome yang positif kepada pengeluaran padi kawasan KADA. Projek penyelenggaraan infrastruktur pengairan dan saliran telah dibahagikan kepada 4 komponen utama:

a) Projek Pengairan dan Saliran di mana ia merangkumi penyelenggaraan taliair utama dan saliran utama, taliair sekunder dan saliran sekunder serta taliar tersier dan saliran tersier.
b) Jalan-Jalan ladang dan Jambatan
c) Binaan-Binaan Pengairan/Saliran Lain
d) Batas Perlindungan Banjir

Sepanjang tahun 2016, kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur dilaksanakan sebanyak RM 756,948.50 manakala kerja-kerja kontrak sebut harga/tender pula adalah sebanyak 11 unit. Purata paras air sungai minima di Pam Kemubu adalah 3.98m dan maksima adalah 5.73m dan purata taburan hujan minima ialah 2.06mm pada bulan April dan maksima adalah 987.91mm pada bulan Disember menjadikan jumlah taburan hujan pada tahun 2016 adalah 2,557.60mm.

## PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK

Khidmat kejuruteraan elektrik berperanan penting dalam usaha memastikan setiap stesen pam, pam-pam mudah alih serta aktiviti selenggaraan elektrik bangunan dan stesen-stesen pam dapat diselenggara dan beroperasi dengan baik. Aktiviti bekalan air di KADA dijanakan oleh tiga stesen pam utama iaitu Stesen Pam Kemubu, Stesen Pam Lemal dan Stesen Pam Kasa serta beberapa buah booster pam.

Sepanjang tahun 2016, stesen pam utama membekalkan air kepada aktiviti sawah dengan gumbaan air sebanyak 610.598 juta meter padu air manakala jumlah gumbaan air bagi booster pam pula ialah sebanyak 54.538 juta meter padu air menjadikan jumlah gumbaan keseluruhan pada tahun ini sebanyak 665.136 juta meter padu air. Kos yang dikeluarkan bagi menampung aktiviti ini ialah sebanyak RM 13,338,346.34.

Bagi aktiviti selenggaraan elektrik di stesen pam utama, booster pam, bangunan dan beberapa pintu air telah menelan kos sebanyak RM 15,315,543.76 sepanjang tahun 2016. Selenggaraan ini melibatkan kerja-kerja servis, rawatan, alat ganti, inden dan emolumen kakitangan.

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



2016

# PERISTIWA SEPANJANG TAHUN 2016

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU

# 2016

## JANUARI



8 Jan 2016

*Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara KADA dan Agrobank bertempat di Ibu Pejabat Agrobank.*



12 Jan 2016

Taklimat Pemutuan Padi Oleh Bernas di Pusat Latihan KADA

# 2016

## JANUARI




*Majlis Perjumpaan YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dengan Penjawat KADA di Hotel Perdana Kota Bharu.*




Majlis Pelancaran dan Penyampaian Insentif Projek NKEA Padi Bendang Datuk Paduka, Morak, PPK Bakat Baru Oleh YB Dato' Seri Ahmad Shabery B. Cheek, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

# 2016

## JANUARI



Lawatan YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ke KADA



Majlis Penyampaian Insentif Projek NKEA Padi Bendang Alor Bakat PPK Sri Gunong Oleh YB Datuk Md Alwi B. Hj Che Ahmad, Pengerusi KADA.

# 2016

## JANUARI




Program Turun Padang Pengurus Besar dan Pegawai Kanan KADA ke KADA Jajahan Tumpat.




Majlis Amanat Tahun Baru 2016 Oleh YB Datuk Pengerusi KADA

# 2016

## FEBRUARI


14 Feb 2016

Bengkel Pengembangan KADA di Pusat Latihan Pertanian KADA, Melor.


16 Feb 2016

Mesyuarat Ahli Lembaga KADA di Hotel Royal Chulan, Kuala Lumpur.

# 2016

## MAC




17 Mac 2016

Majlis Penyampaian Bantuan Peralatan Projek Azam Tani Parlimen Tumpat.



30 Mac 2016

Program Turun Padang Pengurus Besar dan Pegawai Kanan KADA ke Kawasan KADA

# 2016

## APRIL




Majlis Perasmian Menuai Padi Ladang Merdeka Jabil oleh YB Datuk Hj. Md Alwi B. Che Ahmad, Pengerusi KADA




Majlis Penutup Program Kecemerlangan dan Kecergasan KADA 2016 di Kompleks Sukan Panji, Kota Bharu

# 2016

## MEI



7 Mei 2016

Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ke Projek Low Weir di Kg Padang Sakar, Salor.




21 Mei 2016

Mesyuarat Agong Koperasi Kakitangan KADA kali ke-33 di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat KADA.

# 2016

## JULAI



17 Julai 2016

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat KADA Bersama YB Datuk Pengerusi KADA.



21 Julai 2016

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di MAEPS, Serdang, Selangor bersama YB Dato' Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia.

# 2016

## JULAI




24 Julai 2016

Majlis Perasmian Seminar Quantum Upskill Extension Leadership di rasmikan oleh YB Datuk Hj. Md Alwi B. Hj Che Ahmad, Pengerusi KADA.



25 Julai 2016

Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Tahunan PPK Alor Mas Oleh YBhg. Dato' Hj Mustaffar Kamal B. Hj Hamid, Ahli Lembaga Pengarah NAFAS.

# 2016

## OGOS




Majlis Penyerahan Jentera Back Hoe Loader kepada Pejabat KADA Jajahan Oleh YB Datuk Hj. Md Alwi B. Hj Che Ahmad, Pengerusi KADA.




Majlis Persaraan Ir. Shoksi B. Che Noor, Timbalan Pengurus Besar (Operasi) di Ibu Pejabat KADA

# 2016

## SEPTEMBER




Program Gotong Royong Cakna Bersih Bersama KADA di Kg. Kebakat, Wakaf Bharu bersama YBhg. Datuk Mohd Rosdi B. Abd Aziz, Ahli Lembaga KADA.




Majlis Perasmian Mesyuarat Agong Tahunan Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan dirasmikan Oleh YB Datuk Hj. Md Alwi B. Hj Che Ahmad, Pengerusi KADA.

# 2016

## OKTOBER




8 Okt 2016

Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat KADA dirasmikan Oleh Pengurus Besar KADA, Ir. Hj. Mohd Ridzuan B. Ismail.



13 Okt 2016

Majlis Penyampaian Mesin dan Peralatan Projek Azam Tani Oleh YB Pengerusi KADA di PPK Sungai Ketereh.

# 2016

## OKTOBER




Kursus Teknologi Tanaman Padi dirasmikan Oleh Pengurus Besar KADA, Ir. Hj. Mohd Ridzuan B. Ismail di PLP Melor.




Majlis Penyampaian Zakat NAFAS dan PPK Cherang Rotan disampaikan OLeh YB Senator Dato' Asyraf Wajdi B. Dato' Dasuki, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

# 2016

## OKTOBER




Majlis Menandatangi MOU Antara KADA dan UGR Bertempat di Hotel Perdana Kota Bharu.




Penyertaan Dalam Program Kelulut Walk sempena MAHA 2016 di Dataran Istana Balai Besar, Kota Bharu Bersama Hj. Nik Roslan b. Idris, Timbalan Pengurus Besar (Pembangunan) KADA.

# 2016

## NOVEMBER



6 Nov 2016

Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Industri Asas Tani, YBhg. Dato'Seri Dr Ismail B. Hj Bakar ke Projek Tanaman Padi Bendang Kadok, Kota Bharu.



9 Nov 2016

Majlis Penyampaian Bantuan Program Peningkatan Pendapatan Petani Berskala Kecil kawasan Tendong, Pasir Mas oleh YBhg. Datuk Hanapi Mamat, Ahli Lembaga KADA.

# 2016

## NOVEMBER











Kursus Penyiasatan Pengeluaran Padi (CCS) bertempat di Dorani Bayu Resort, Sg Haji Dorani, Sg Besar, Sekinchan, Selangor bermula 29 November hingga 2 Disember.

# 2016

## DISEMBER














Melawat Kilang Pemprosesan Jerami Untuk Dijadikan Makanan Lembu di Sekinchan pada 2 Disember 2016.

# 2016

## DISEMBER




Majlis Pelancaran Produk baru CITAMAS KADA, Dirasmikan Oleh YBM Dato' Tengku Abdul Halim Al- Haj Ibni Almarhum sultan Ibrahim, Tengku Temenggong Kelantan bertempat di Pavilion Pameran MAHA, MAEPS, Serdang.




Majlis Pelancaran Produk Laksam Kelantan Oleh YB Dato' Seri Tajuddin B. Ab. Rahman, Timbalan Menteri pertanian dan Industri Asas Tani.

KADA
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI



# 2016

# PENYATA KEWANGAN YANG TELAH DIAUDIT

LAPORAN TAHUNAN

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Akta 69).

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah di Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Akta 69). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions,* saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.



**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 (Akta 69), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

**Hal-hal Lain**

a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 1 kepada penyata kewangan, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Prestasi Kewangan , Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(JESMANI YUSOF)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KOTA BHARU
15 OGOS 2017

LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU

**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH**

Kami **DATUK HAJI MD. ALWI BIN CHE AHMAD** dan **MOHD RIDZUAN BIN ISMAIL** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU PADA 31 DISEMBER 2016** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir tarikh tersebut.

| | |
|---|---|
| Bagi pihak Lembaga, | Bagi pihak Lembaga, |
| ........................................ | ........................................ |
| NAMA : DATUK HAJI MD. ALWI BIN CHE AHMAD | NAMA : MOHD RIDZUAN BIN ISMAIL |
| NO K/P : 560616-03-5695 | NO K/P : 591025-11-5267 |
| GELARAN : PENGERUSI | GELARAN:TIMB.PENGERUSI/ PENGURUS BESAR |
| TARIKH : 26 APR 2017 | TARIKH : 26 APR 2017 |

**LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU**

